

**GARISPANDUAN KAWALAN PERLETAKAN KOLUMBARIUM,  
KREMATORIUM, “FUNERAL PARLOUR”, PEMBUATAN DAN  
PENJUALAN KERANDA DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU  
PINANG**

**1.0 Tujuan**

Tujuan garis panduan ini adalah untuk dijadikan sebagai panduan bagi mengawal perletakan kolumbarium, krematorium, “funeral parlour”, pembuatan dan penjualan keranda di kawasan MPPP.

**2.0 Definisi**

**2.1 Kolumbarium**

Kolumbarium bermakna satu struktur atau bilik atau ruang dalam sesuatu bangunan atau lain-lain bangunan untuk menyimpan abu mayat penganut agama bukan Islam.

**2.2 Krematorium**

Krematorium merupakan tempat pembakaran mayat penganut agama bukan Islam.

**2.3 “Funeral Parlour”**

Suatu bangunan yang mempunyai kemudahan-kemudahan untuk penyediaan urusan mayat sebelum dibawa ke tempat pengkebumian atau pembakaran mayat.

**3.0 Garis panduan**

**3.1 Perlingkungan**

Kawasan di mana lokasi kolumbarium, krematorium dan “funeral parlour” dibenarkan di Pulau Pinang.

- a) Perletakan kolumbarium, krematorium dan “funeral parlour” boleh dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai tanah perkuburan seperti yang dinyatakan di dalam Rancangan Pemajuan samada Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan atau Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan. Jarak zon penampakan perletakan kolumbarium dan krematorium di atas tanah perkuburan dari perumahan dan pembangunan terdekat ialah minimum 30 meter.
- b) Pembuatan keranda dan penjualan keranda boleh dibenarkan di kawasan yang dizonkan sebagai tanah perkuburan sahaja dan di premis perniagaan keranda

sediada iaitu di Mount Erskine, Jalan Perak, Jalan York dan di Lebuhraya Carnarvon sahaja seperti yang ditunjukkan di Lampiran 'A'.

3.2 Keperluan semasa mengemukakan permohonan kebenaran merancang

- a) Mematuhi garis panduan dan syarat-syarat sediada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan semasa mengemukakan permohonan kebenaran merancang.

3.3 Rekabentuk Bangunan

- a) Rekabentuk bangunan sesuai dengan keadaan sekeliling.
- b) Kawasan kolumbarium, krematorium dan "funeral parlour" perlu dilandskapkan untuk bertindak sebagai zon pemisah di antara dua jenis kegunaan tanah.

**4.0 Tarikh Pelaksanaan**

Tarikh pelaksanaan garis panduan ini ialah tarikh ianya dilulus dan disahkan Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu pada 19.1.2006.

**LAMPIRAN A****PERNIAGAAN KERANDA SEDIA ADA DI KAWASAN MPPP**

<b>ALAMAT</b>	<b>NAMA PERNIAGAAN</b>	<b>JENIS PERNIAGAAN</b>
184, Lebuah Carnarvon	Hock Bean Guan	Kedai Keranda
196, Lebuah Carnarvon	Hock Guan Huat	Kedai Keranda
198, Lebuah Carnarvon	Hock Guan Huat	Kedai Keranda
161 & 163, Lebuah Carnarvon	Hock Lean Seng	Kedai Keranda
Jalan Perak	Sin Huat Pembuat Peti Mayat	Pembuat Peti Mayat
3A, Jalan Mount Erskine	Kedai Keranda Malaysia Casket Co.	Kedai Keranda
8A, Jalan York	Perkhidmatan Pengebumian secara Casket Enterprise	Kedai Keranda